

14 OCT 2003

OIC-Setiausaha

BANGLADESH SELESAIKAN PERSOALAN SETIAUSAHA AGUNG DENGAN MALAYSIA

PUTRAJAYA, 14 (Bernama) -- Bangladesh dan Malaysia akan menyelesaikan persoalan mengenai pelantikan setiausaha agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang baru menerusi perbincangan, kata Menteri Luar Bangladesh Manzur Morshed Khan hari ini.

"Saya memberi jaminan bahawa Bangladesh dan Malaysia tidak akan menjadi dua calon yang bertelagah ...kami akan mencapai keputusan menerusi perbincangan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perbincangan dua hala dengan rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar di luar sidang kemuncak OIC ke-10 di sini.

Beliau ditanya sama ada pelantikan setiausaha agung OIC yang baru dibincangkan pada pertemuan berkenaan memandangkan kedua-dua buah negara telah menyatakan hasrat untuk mengemukakan calon masing-masing bagi menjawat jawatan itu.

Bangladesh telah menamakan Salahuddin Quader Chowdhury, penasihat khas Hal Ehwal Parlimen kepada Perdana Menteri Bangladesh manakala Malaysia pula menyatakan akan mengemukakan calon tetapi enggan menamakannya.

Setiausaha agung OIC sekarang ialah Dr Abdelouahed Belkeziz dari Maghribi dan tempoh memegang jawatannya akan berakhir pertengahan tahun depan.

Manzur berkata Bangladesh menerima sokongan bertulis untuk calonnya daripada banyak negara termasuk Arab Saudi, Pakistan, Brunei dan Indonesia.

"Yang nyata...belum pernah berlaku keadaan di mana pengerusi dan setiausaha agung datang dari negara yang sama," katanya.

Beliau yakin Quader akan dapat bekerjasama dengan Malaysia sebagai pengerusi OIC yang baru bagi menyuburkan semula pertubuhan itu.

Mengenai masa depan OIC, Manzur berkata kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan bersara sebagai Perdana Menteri penghujung bulan ini, amat diperlukan oleh pertubuhan itu dan umat Islam.

Beliau berkata Dr Mahathir bersama-sama tokoh penting dari negara-negara Islam boleh merangka pelan damai bagi OIC di bawah suasana yang berubah-ubah, kerana OIC dibentuk pada 1969 dengan satu agenda iaitu masalah Palestin.

"Selepas beliau memimpin Malaysia sehingga berjaya...umat Islam memerlukan kepimpinan Dr Mahatir dan wawasannya, untuk memimpin OIC seterusnya, untuk melakukan penstrukturan semula dan mewujudkan pelan damai di bawah kepimpinannya," katanya lagi.

Beliau berkata OIC perlu memainkan peranan yang lebih penting memandangkan cabaran-cabaran baru telah muncul selepas globalisasi, pembentukan Pertubuhan Perdagangan Sedunia dan serangan 11 Sept ke atas Amerika Syarikat.

"Kesemua ini perlu ditangani...anda tidak boleh mengatakan yang ianya tidak ada dalam agenda, ia perlu merupakan satu agenda... undang-undang dan piagam perlu diteliti dan disuburkan, pembaharuan, penyusunan semula dan pemulihan semula juga perlu dibawa bersama," katanya.

-- BERNAMA

MT AZZ JK ROS